

# Terma & Syarat

Faedah ini berkuatkuasa bagi semua ahli TONE WOW dan TONE GROUP yang aktif dan berdaftar sebelum 1 Julai 2021.

Bagi ahli yang membuat pendaftaran pada atau 1 Julai 2021, sila lihat [Terma dan syarat Khairat kematian 2021](#).

1. Faedah ini adalah tertakluk kepada Cooling-Off Period seperti berikut:

Ahli TONE	LITE	PUSH/PULL	BIZ
Top up minima RM 30 Berturut-turut	6 Bulan	4 Bulan	3 Bulan

2. Ahli harus kekal aktif sepanjang tempoh selepas pendaftaran dan membuat top up minima RM 30 setiap bulan. Sekiranya gagal atau didapati *expired*, cooling-off period akan bermula mengikut tarikh pengaktifan semula.

3. Kelayakan faedah khairat kematian adalah berdasarkan kiraan jumlah top up pada bulan sebelum Tarikh kematian.

(contoh : meninggal dunia pada bulan November, top up bulan Oktober akan dikira untuk kelayakan menerima faedah ini, sekiranya top up bulan Oktober kurang dari RM 30, ahli tidak layak menerima.)

4. Ahli-ahli yang mengekalkan Top Up bulanan sebanyak RM30– RM49.99, RM 1000 akan diterima oleh pewaris manakala top up bulanan RM 50 ke atas akan menerima sejumlah RM 2000.

5. Kelayakan menerima faedah ini tertakluk kepada ketepatan maklumat peribadi ahli seperti di dalam Kad Pengenalan/Pasport/ID Polis/ID Tentera yang digunakan semasa pendaftaran ahli.

6. Faedah ini bermula dan berakhir berdasarkan setiap bulan mengikut kalendar. (contoh: 1hb April sehingga 30hb April).

7. Ahli baru yang mendaftar selepas 30<sup>hb</sup> Sept 2019 dan berumur 70 tahun dan ke atas tidak layak untuk menerima faedah ini.

8. Tuntutan ini perlu dibuat dalam masa 90 hari dari tarikh kematian.

9. Sekiranya berlaku kematian, pewaris yang dinamakan oleh pemilik akaun didalam sistem ahli (MMS) di ruangan pewaris khairat sebelum meninggal dunia, pewaris itu berhak untuk menuntut faedah ini. Sekiranya tiada pewaris yang dinamakan oleh ahli dalam MMS, faedah ini berhak diberikan kepada pasangan, anak atau keluarga terdekat dan perlu mengemukakan dokumen sebagai bukti hubungan kepada yang meninggal dunia.

10. Semua ahli mesti mengemaskini butiran pewaris didalam TGMMS (<https://www.tonegroup.net/>) atau TWMMS (<https://www.tonewow.net/twmain/>)

11. Sekiranya berlaku tuntutan menggunakan sesuatu Member ID, akaun itu tidak akan layak untuk melakukan sebarang tuntutan Khairat Kematian lagi.

12. Setiap Ahli (mengikut NRIC) hanya layak untuk sekali tuntutan sahaja, tanpa mengira bilangan nombor keahlian (samada Ahli tersebut dalam program Tone Excel, Tone Plus atau Tone Wow).

13. Jika maklumat yang diberi adalah palsu, tuntutan tersebut batal dan tidak sah.

14. Tuntutan akan diproses dalam masa 30 hari dari tarikh dokumen diterima.

15. Tertakluk juga kepada Terma dan Syarat biasa yang lain dan Syarikat berhak untuk menukar Terma dan Syarat tanpa sebarang notis.

## **Prosedur Tuntutan Khairat Kematian**

Untuk membuat tuntutan, dokumen- dokumen berikut perlu diserahkan:

- I. Salinan sijil kematian (Dengan pengesahan)
- II. Salinan IC atau Pasport yang meninggal dunia (Dengan pengesahan)
- III. Salinan IC atau Pasport pewaris (Dengan pengesahan)
- IV. Salinan laporan polis (Jika ada)
- V. Borang khairat kematian
- VI. Borang penukaran pemilik